

Polis gagalkan cubaan bawa 600 samseng ke Indera Kayangan

Oleh LUQMAN HAKIM

ALOR SETAR 18 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed mendedahkan usaha parti pembangkang cuba membawa masuk 600 orang samseng bagi mengganggu perjalanan pilihan raya kecil Indera Kayangan, esok.

Menurut beliau, samseng terbahit dibawakan masuk bertujuan un-

tuk mengganggu dan menakutkan para penyokong Barisan Nasional (BN) keluar mengundi.

Bagaimana pun jelas Perdana Menteri, pihak polis yang menyedari taktik tersebut telah bertindak awal sehingga pihak pembangkang gagal dalam usaha mereka membawa masuk samseng terbabit seperti yang dilakukan semasa pilihan raya kecil Lunas.

“Kita dapat lihat parti lawan cuba bawa 600 samseng masuk ke kawasan pilihan raya kecil Indera Kayangan. Tapi polis ada di sana. Jadi mereka tidak dapat bawa masuk.

“Di Lunas mereka berjaya sehingga orang mereka penuh di semua kawasan hingga orang takut (keluar) mengundi,” katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis sambutan Aidillitri Barisan

Nasional di ibu pejabat UMNO, petang ini.

Dr. Mahathir berharap, polis dapat bertindak dengan lebih tegas bagi mengawal keselamatan semasa pilihan raya berlangsung dan orang ramai berani keluar mengundi.

Jelas beliau, tindakan awal polis menyekat kemasukan samseng menjadikan keadaan di Indera Kayangan lebih selamat.